

14/10/1997

Tubuh tabung sendiri (HL)

Radzi Wahab

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan pentingnya negara Asia Pasifik mengambil inisiatif mulai sekarang untuk menggerakkan sumber kewangan dalaman sendiri tanpa terlalu bergantung kepada institusi antarabangsa untuk menghapuskan kemiskinan di negara masing-masing.

Menurut Perdana Menteri, tindakan mewujudkan tabungan sendiri, terutamanya institusi kewangan mikro (MFI) yang berfokuskan kemiskinan, harus menjadi langkah pertama ke arah sikap berdikari dan menjaga maruah negara anggota.

"Cara ini nyata lebih sesuai daripada terlalu bergantung kepada penyumbang pelbagai hala dan dua hala," katanya ketika merasmikan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Serantau Mengenai Pembangunan Ekonomi Wanita Luar Bandar dan Kepulauan Asia-Pasifik (RSC-AP), di sini.

Turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang juga pengerusi jawatankuasa itu dan Menteri Pembangunan Masyarakat dan Perpaduan Negara, Datin Paduka Zaleha Ismail.

Seminar RSC-AP di Teheran April lalu meluluskan penubuhan sebuah tabung pusingan kebangsaan bebas sebagai langkah mencapai matlamat membantu 70 juta wanita miskin di rantau Asia-Pasifik melalui kerjasama institusi pembasmi kemiskinan menjelang 2005.

Dr Mahathir berkata, sikap negara kaya terhadap keadaan ekonomi negara miskin seharusnya sudah cukup untuk memotivasikan mereka mengambil daya usaha untuk menggerakkan potensi rantau ini ke arah kemajuan mapan.

"Pengalaman menunjukkan institusi kewangan antarabangsa yang sepatutnya membantu menghapuskan kemiskinan, sebaliknya berkhidmat bagi institusi kewangan besar di sebalik sikap pura-pura mereka untuk membantu negara miskin," katanya.

Menurutnya, sekatan yang menjadi penghalang kepada kebanyakan negara di Asia Pasifik seharusnya dijadikan pengajaran kepada mereka untuk memperkuat azam dan komitmen bagi mewujudkan institusi mikro kewangan yang tulen dan mesra.

Sehubungan itu, katanya, jika negara dalam rantau ini bekerjasama dalam memperjuang dan melaksanakan kewangan mikro itu, jurang kemiskinan besar yang wujud ketika ini dapat dikurangkan pada dekad akan datang.

"Saya percaya dengan usaha bersekutu dan komitmen daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta sektor swasta, kita boleh mewujudkan pembangunan sosial terbesar untuk rakyat miskin bagi abad akan datang," katanya.

Perdana Menteri berkata, tabungan pembasmi kemiskinan seperti yang dipelopori oleh RSC-AP boleh digunakan sepenuhnya sebagai pilihan kepada tabungan antarabangsa yang sepatutnya membantu mereka yang miskin.

Menurutnya, ketika cadangan tabungan RSP-AP boleh digunakan bagi kebanyakan negara anggota, pada masa yang sama mereka juga sepatutnya menimbang untuk mewujudkan tabung pembasmi kemiskinan kebangsaan seperti Yayasan Palli Karma Sahayak (PKSF) dari Bangladesh.

Melalui yayasan itu, kerajaan mewujudkan satu institusi tanpa keuntungan di bawah Akta Syarikat dengan objektif utama memberikan pinjaman kepada MFI kecil untuk meningkatkan operasi mereka di samping menggalakkan NGO lain menyertai bidang kewangan mikro yang berfokuskan kemiskinan.

Sambil memahami keperluan untuk memenuhi kehendak 70 juta wanita miskin menjelang 2005, Dr Mahathir berkata, negara anggota RSC-AP juga perlu berusaha mewujudkan pinjaman daripada pihak swasta dan juga awam.

"Oleh kerana setiap negara mempunyai banyak bank komersil dan institusi kewangan kaya, MFI harus menggunakan sumber itu untuk menarik mereka bagi menyertai program yang diadakan," katanya.

Dalam tempoh panjang, katanya, tabungan MFI akan membolehkan rakyat miskin mempunyai bahagian yang adil dalam sumber dan kekayaan ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata, perumahan juga menjadi arena yang menjanjikan cabaran dan memerlukan pemerhatian teliti daripada kebanyakan kerajaan rantau Asia Pasifik.

Terdahulu, Dr Mahathir berkata, usaha progresif pembangunan luar bandar kebangsaan sejak empat dekad lalu berjaya mengurangkan sebahagian besar jurang kemiskinan di negara ini.

(END)